

# Ibu bapa mas

UM 12.1.2008 M/S 10

Oleh AZMAN ANUAR  
(WARTAWAN UTUSAN)

**KEJADIAN** dua kes culik melibatkan kanak-kanak di ibu negara, Kuala Lumpur kembali menggemparkan masyarakat negara ini. Masyarakat umum masih tidak dapat melupakan kejadian kes penculikan dan pembunuhan adik Nurin Jazlin Jazimin September tahun lalu. Malah penjenayah kejam itu masih bebas ke sana-sini.

Dalam kes terbaru, selang masa 24 jam sahaja, dua kanak-kanak diculik.

Kes pertama, adik Nur Fatiha Zaidi, 6, dilaporkan diculik oleh seorang lelaki ketika bermain pada pukul 5 petang di pekarangan flat Desa Sepakat Sri Manja, Kampung Medan. Bagaimanapun, Nur Fatiha berjaya ditemui semula setelah kanak-kanak itu ditinggalkan penculik di Wangsa Maju kira-kira tiga jam kemudian.

Apa yang mengejutkan ialah tempat berlaku penculikan kedua juga di Taman Medan yang jarak di antara kedua-dua kejadian hanya kira-kira dua kilometer.

Dalam kes kedua, adik Sharlinie Mohd. Nashar, 5, dilaporkan hilang pada pukul 11.30 pagi Rabu lalu ketika dalam perjalanan pulang bersama kakaknya Sharliena, 8, selepas bermain di taman permainan berdekatan rumahnya di Jalan PJS2C/11N, Taman Medan.

Kini pihak berkuasa dan orang ramai sedang berusaha mengesan di mana lokasi Sharlinie yang dipercayai diculik itu disembunyikan oleh penjenayah.

Masyarakat terutama semua ibu bapa sepatutnya lebih peka untuk menjaga anak-anak masing-masing setelah isu culik dan kanak-kanak hilang mendapat liputan meluas daripada semua media massa tanah air.

Bekas Pengarah Pusat Perkembangan Keluarga, Universiti Malaya, Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rashid berpendapat kes terbaru ini mengetengahkan sikap cuai ibu bapa.

"Sekarang banyak ibu bapa membiar anak-anak dilepas bebas, tidak pentingkan keselamatan terutama anak perempuan ketika kes-kes jenayah rogol dan bunuh kian meningkat," komen beliau kepada *Utusan Malaysia*.

Selain cuai dan alpa, menurut Prof. Abdul Rahim yang mengurus Pusat Pembelajaran Futuristik dan Inovasi, fenomena yang berlaku sekarang menunjukkan nilai kekeluargaan ibu bapa kelas bawahan Melayu kini sangat lemah.

"Dalam kejadian-kejadian culik kanak-kanak kebelakangan ini melibatkan ibu bapa muda daripada golongan berpendapatan rendah. Dalam kesibukan mencari nafkah hidup untuk keluarga, mereka lemah dalam memberi perlindungan kepada anak-anak.

"Trend ini ada kemungkinan kerana kecuai-an ibu bapa tidak dipersoalkan oleh pihak berkuasa. Kerajaan perlu tegas bertindak terhadap golongan yang mengabaikan keselamatan anak-anak," jelas beliau.

Prof. Abdul Rahim melihat tempat-tempat berlaku culik kanak-kanak boleh dikatakan terjadi di kawasan masyarakat berpendapatan rendah dan persekitaran sosial yang banyak masalah. Oleh itu keselamatannya boleh diragui dan ia menjadi tempat membiaknyanya penjenayah.

Jika demikian bagaimana kawasan begini dapat bebas daripada sebarang bentuk jenayah. Justeru, Prof. Abdul Rahim berpendapat fenomena kes-kes kanak-kanak menjadi mangsa culik akan terus berlaku selagi masyarakat dan ibu bapa tidak mengawal jenayah di sekitar kawasan tempat tinggal mereka.

Beliau melihat kes terbaru penculikan adik Sharlinie adalah berpunca daripada kecuai-an ibu bapa. Cara ibu bapa mendidik anak-anak tidak begitu baik kerana mereka selalu membiar anak-anak bebas bermain tanpa kawalan dan pemerhatian.

"Ibu bapa muda yang berusia 30-an kurang kemahiran ibu bapa. Malah ada yang ambil mudah. Segala masalah tidak patut diserahkan kepada kerajaan sahaja," katanya.

Hakikat ibu bapa cuai dalam mengawasi anak-anak mereka tidak dapat ditolak. Ini terbukti apabila masih ramai lagi kanak-kanak yang pergi ke pasar malam berhampiran rumah tanpa ditemani oleh sesiapa pun. Persekitaran yang sebeginilah yang menyebabkan kes jenayah terhadap kanak-kanak semakin meningkat.

Ahli Parlimen Ampang, Dr. Rozaidah Abd. Talib pula mengharapkan pihak polis perlu berusaha bersungguh-sungguh dan menyelesaikan kes penculikan Sharlinie dengan secepat secepatnya.

"Siapa pun penjenayah ini, dia akan terus rasa bebas dan boleh berbuat apa sahaja selagi belum ditahan polis.

"Perasaan cemas, sedih dan berdebar-debar tentang keadaan kesihatan serta nasib anak yang diculik sedang bermain-main di fikiran ibu bapa Sharlinie."

# ih cuai jaga anak



AHLI Gerakan Belia 4B Malaysia cawangan Pulau Pinang mengedarkan poster Sharlinie Mohd. Nashar yang dilaporkan hilang ketika operasi mencari di Stesen Keretapi Tanah Melayu, Butterworth, semalam.

## Fenomena yang berlaku sekarang menunjukkan nilai kekeluargaan ibu bapa kelas bawahan Melayu kini sangat lemah

**PROF. DR. ABDUL RAHIM ABDUL RASHID**  
Bekas Pengarah Pusat  
Perkembangan Keluarga,  
Universiti Malaya

berubah. Kita sudah tidak peduli akan hal jiran tetangga. Tempat-tempat yang dahulunya selamat untuk kanak-kanak bermain sudah menjadi tempat untuk pemangsa mencari mangsa.

“Penjenayah pedofilia, sadis, kejam, dan rakus semakin ramai dalam masyarakat kita. Kita perlu mengukuhkan kembali institusi kekeluargaan dan kejiranan supaya kes seperti ini dapat dibendung.”

Namun kata Dr. Rozaidah, kerjasama antara pasukan beruniform, orang awam dan pihak berkuasa adalah penting. Malah tidak kurang penting juga katanya ialah membina semula masyarakat yang prihatin dalam erti kata sebenar iaitu jangan takut walau dilabel sebagai ‘suka menjaga tepi kain orang.’ Persepsi ini harus diubah.

“Kita harus mengakui bahawa persekitaran kita pada hari ini tidak lagi selamat. Salah satu puncanya adalah kerana runtuhnya institusi kejiranan dan lemahnya institusi kekeluargaan,” jelas Dr. Rozaidah.

Sebagai ibu yang mempunyai anak, beliau memahami ada ibu bapa memberi kebebasan kepada anak-anak dari usia kecil tetapi katanya; “Kita mesti ada sikap curiga dengan siapa anak-anak kita berkawan atau dihampiri oleh sesiapa pun.”

Satu aspek penting, masyarakat kita seo-

lah-olah sudah lupa pada kewujudan golongan pedofilia yang sering mengambil kesempatan atas kelalaian ibu bapa.

Beliau memberi contoh mudah, adalah biasa kanak-kanak kecil ditinggalkan bersendirian di dalam kenderaan sementara ibu atau bapa melangsaikan urusan yang tertangguh.

“Ini adalah salah satu punca kecuaiannya ibu bapa, apabila anak mereka hilang, baru mereka sedar tindakan mereka itu adalah salah,” kata Dr. Rozaidah.

Beliau mengingatkan bahawa dunia sudah